

**Bantu calon baru jika tidak dipilih**  
**Utusan Online**  
**September 22, 2011**  
**Oleh ASLIZA MUSA**

IPOH 21 Sept. – Wakil rakyat yang tidak dicalonkan semula pada pilihan raya umum akan datang perlu melihat langkah tersebut secara positif dengan mengambil iktibar daripada kejayaan mereka dahulu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, calon berkenaan wajar melihat ke belakang bagi mengimbas semula bagaimana mereka diterima menjadi wakil rakyat dan penerimaan itu pula perlu diaplikasikan kepada calon-calon baru.

“Mereka tahu bila mereka menjadi wakil rakyat dahulu, kedudukan yang mereka perolehi adalah disebabkan sokongan rakyat yang menjadi faktor utama kemenangan dan tidak melibatkan unsur sabotaj.

“Oleh itu, apabila tidak dicalonkan pada kali ini, mereka perlu melihat ke belakang semula dan membantu calon-calon baru ini bagi memastikan kemenangan BN pada pilihan raya akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco negeri Perak di sini hari ini.

Zambry yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Perak ditanya mengenai calon-calon BN Perak dan kemungkinan wujud unsur sabotaj sekiranya berlaku pengguguran terhadap wakil rakyat sedia ada.

Beliau menambah, BN Perak secara umumnya telah mengenalpasti calon-calon di beberapa kawasan pilihan raya negeri ini dan pemilihan calon tersebut berdasarkan penerimaan rakyat serta kemampuan calon berkenaan untuk memberi kemenangan kepada BN.

Katanya, apa yang penting, senarai calon-calon yang akan diumumkan apabila tiba masanya nanti perlu mendapat sokongan daripada semua pihak termasuk di kalangan ahli parti.

“Apa yang penting calon-calon ini hendaklah diterima dan diberi sokongan. Ini kerana, walaupun calon-calon yang dicadangkan itu mempunyai kriteria yang disukai dan mampu menang namun jika tiada sokongan, ia tetap bukan calon yang terbaik,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_11.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_11.htm)